



## Malaysia ulangi pendirian tidak tolak ansur Islamofobia

Oleh Rohaniza Idris - Januari 26, 2023 @ 1:48pm  
roha@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi pendirian Malaysia tidak akan bertolak ansur terhadap tindakan membakar buku atau kitab suci mana-mana agama.

Perdana Menteri berkata Malaysia menghargai kemanusiaan, menghormati hak dan kepercayaan setiap individu.

"Kita di Malaysia tidak akan bertolak ansur dengan tindakan membakar al-Quran, buku dan teks agama termasuk kitab Injil... kerana kita menghormati kemanusiaan, hak dan kepercayaan setiap orang.

"Kita tidak boleh kata ini (bakar al-Quran) sebagai kebebasan. Kebebasan itu kepada perkara yang benar bukannya bebas untuk membunuh, bertindak tidak berperikemanusiaan untuk menekan pihak lain," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Pelancaran Buku Himpunan Esei "Knowledge, Tradition and Civilization: Essay in Honour of Professor Osman Bakar di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC).

Yang turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed khaled Nordin; Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UAIM), Tan Sri Samsudin Osman dan Rektor UIAM, Prof Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak.

Sebelum ini, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Islamofobia ahli politik sayap kanan Sweden, Rasmus Paludan yang membakar al-Quran di Stockholom.

Anwar berkata kerajaan Sweden perlu mengambil tindakan tegas terhadap pelaku dan memastikan langkah drastik diambil pada masa depan dalam menangani peningkatan membimbangkan Islamofobia di negara berkenaan.

Sementara itu, ditanya PAS akan menganjurkan himpunan solidariti membantah tindakan Islamofobia oleh ahli politik Sweden itu, Perdana Menteri berkata PAS agak terlewat menyatakan pendirian berhubung perkara itu.

Ini kerana, katanya kerajaan lebih awal membuat kenyataan yang tegas berhubung tindakan Islamofobia itu.

Namun, tegas beliau PAS boleh melakukan himpunan membantah tindakan Islamofobia itu.

"Mereka (PAS) ada hak untuk berbuat demikian. Tiada isu mengenai protes (yang akan diadakan esok oleh PAS), mereka harus tunjukkan pandangan mereka.

"Jika PAS mahu lakukan begitu, mereka boleh lakukan tapi kerajaan telah membuat perkara itu (bantahan) malah sudah hubungi Duta Sweden dan nyatakan dengan jelas pendirian Malaysia.

"Kenyataan kita amat tegas tapi mereka (PAS) agak terlewat untuk nyatakan pendirian," katanya.